

Headline **Mawi dapat sokongan**
Date **21. Feb 2008**
Media Title **Harian Metro**
Section **Setempat**
Circulation **172903**
Readership **605160**

Language **MALAY**
Page No **18**
Article Size **199** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



Pidato Piala Timbalan Perdana Menteri

'Mawi' dapat sokongan

>>Oleh Helmy Abd Rahman

SERDANG: 'Mawi' antara yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Timbalan Perdana Menteri 2008 di Panggung Eksperimen, Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam, sekali gus mendapat sokongan 'pecah panggung' di kalangan penonton yang hadir.

Bagaimanapun, Mawi yang dimaksudkan bukan penyanyi popular negara ini, sebaliknya nama Melayu bagi Muawwiz Khan, 22, peserta dari India yang tidak langsung kekok menggunakan Melayu.

Muawwiz berkata, dia memilih nama berkenaan selepas disaran beberapa kenalan dari negara ini berikutan nama kedua-dua mereka hampir sama.



MUAWWIZ...bangga

"Saya dapat tahu Mawi ialah penyanyi paling popular di Malaysia dan sudah menyaksikan video nyanyianya lalu bersetuju menggunakan nama itu. Mulanya saya bercadang menggunakan nama Rosmawati," katanya berseloroh.

Pelajar tahun akhir University of Delhi, India itu berkata, dia mula belajar ba-

hasa Melayu sejak kecil daripada rakan baik yang juga jirannya dari Indonesia.

Semua 39 peserta dari 35 negara yang mengambil bahagian dalam pertandingan itu dikehendaki memilih nama Melayu masing-masing. Selain Mawi, ada di kalangan peserta memilih nama unik seperti Cempaka, Indah dan Dahlia.

Pertandingan anjuran Kementerian Pengajian Tinggi itu dibahagikan kepada dua kategori iaitu Nusantara dan Antarabangsa dengan setiap peserta semalam berentap untuk merebut tempat dalam peringkat separuh akhir yang akan diadakan di lokasi sama, hari ini.

Seramai 10 peserta bagi kategori Antarabangsa terpilih ke peringkat berkenaan termasuk Han Xiao dan Fucongcong dari China, Tom Gunnar Hoogervorst (Belanda) dan Kor Vy Sles dari Kemboja.